

Cabaran Pegawai Psikologi Di Penjara

(Challenges of Psychological Officers in Prison)

Nasariah Jamian¹

Aizan Sofia Amin*¹

¹*Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor*

*Corresponding e-mail: [aizansofia@ukm.edu.my]

This study aims to identify the challenges experienced by prison psychological officer around Klang Valley. This study involved six informants who are one female and five males. This research used a qualitative method involving in-depth interviews by using semi-structured questions to obtain data for this study. Through the thematic analysis from the transcriptions by informants, it shows that there are six main obstacles faced by the officers such as the absence of supervisor as a mentor to guide them, lack of counselling facilities, confidentiality issues, client-counsellor relationships, workloads and also client background diversity. There were some limitations to this study. This study recommends that the service of counselling and psychology in prison should be empowered to ensure the prisoners will be reintegrated in society successfully.

Keywords: psychological officer; counsellor; psychology; counselling; prison

Perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara adalah suatu perkara yang dipandang penting oleh pihak berwajib. Hal ini kerana setiap banduan yang menjalani kehidupan di sebalik jeriji besi penjara bukanlah hanya bertujuan untuk dihukum semata-mata, tetapi juga untuk mendapat pengajaran dan keinsafan daripada proses hukuman tersebut. Maka, setiap banduan akan mendapat peluang untuk memperbaiki diri agar menyesal dan tidak mengulangi lagi kesalahan yang pernah dilakukan pada masa lalu. Banduan akan dipersiapkan dalam pelbagai aspek termasuklah aspek rohani, mental dan sahsiah sebelum mereka dikembalikan semula kepada masyarakat. Hal ini bertujuan agar bekas banduan boleh berfungsi semula sebagai anggota masyarakat yang lebih baik berbanding sebelum ini.

Psikologi adalah dimaksudkan sebagai suatu ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan tingkah laku dan kehidupan manusia itu sendiri (Kartini 2000). Psikologi juga adalah suatu kajian yang saintifik mengkaji tingkahlaku dan jiwa dalaman manusia (Mohammad Aziz Shah et al. 2009). Manakala, psikologi yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah perkhidmatan berbentuk psikologi yang melibatkan perubahan kepada emosi, kognitif dan tingkahlaku banduan. Secara spesifiknya, perubahan daripada tingkahlaku buruk kepada tingkahlaku yang baik.

Manakala, menurut Burk dan Steffire (1979) psikologi adalah suatu perhubungan di antara kaunselor yang terlatih dengan individu yang menghadapi masalah. Ia juga adalah bertujuan untuk membantu

individu mengenali diri, mengenalpasti masalah, membuat penyesuaian, menenangkan emosi dan fikiran apabila berhadapan dengan pelbagai isu (Gladding 2003). Akta Kaunselor (1998) mendefinisikan kaunseling sebagai suatu proses yang teratur dalam memberi bantuan dalam perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang diaplikasikan oleh kaunselor berdasarkan kod etika kaunseling bagi mencapai suatu matlamat dalam kaunseling. Kaunseling bermaksud aktiviti yang berasaskan kaunseling yang digunapakai dalam proses pemulihan banduan di dalam penjara.

Dalam hal ini, pegawai psikologi atau kaunselor adalah individu yang akan menggerakkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara. Pelbagai cabaran akan wujud sehingga mencabar kredibiliti seorang kaunselor ketika bertugas. Setiap kaunselor perlu menghadapi segala halangan tersebut agar dapat memberikan perkhidmatan kepada banduan di penjara. Kepelbagaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang ditawarkan di sesebuah penjara akan menuntut kaunselor untuk bersedia daripada aspek fizikal dan mental bagi merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib.

Antara cabaran yang dihadapi oleh kaunselor dalam memberi perkhidmatan kepada klien adalah seperti tidak mendapat kerjasama daripada klien semasa menjalankan tugas. Ini termasuklah ketika menjalankan sesi kaunseling, program, dan sebarang intervensi yang lain. Cabaran seperti ini biasa berlaku sekiranya klien adalah dirujuk oleh pegawai penjara. Menurut Skovholt dan Ronnestad (2003) kaunselor perlu menggalakkan penerokaan perasaan klien untuk mewujudkan hubungan terapeutik. Malah, menurut Wampold (2001) kaunselor dan klien perlu mencapai persetujuan ke atas konsep tugas dan objektif mereka bekerjasama. Ini menunjukkan sekiranya kaunselor tidak mendapat kerjasama yang baik daripada

klien maka hubungan terapeutik sukar diwujudkan. Malah, menjadi suatu cabaran kepada kaunselor untuk membina matlamat atau objektif bersama klien apatah lagi untuk mencapainya.

Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh kaunselor adalah bebanan tugas sampingan yang banyak melebihi tugas hakiki (Johari Talib 2009). Terdapat dalam kalangan kaunselor yang dibebani dengan kerja-kerja lain selain kerja melibatkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Sepatutnya, banduan perlu mendapat kaunseling supaya tidak terlibat dengan aktiviti jenayah semula selepas dilepaskan (Ayamba 2013). Keperluan ini juga adalah atas kewajaran penjara adalah tempat banduan melalui transformasi dan pemulihan (Ayamba 2013). Menurut Bohm dan Haley (2005) banduan sepatutnya melalui beberapa bentuk pembaharuan sebelum mereka menamatkan tempoh penahanan mereka. Oleh itu, setiap bentuk pembaharuan atau transformasi tersebut memerlukan kaunselor mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu agar setiap intervensi yang berikan adalah berkesan.

Boit (2016) menyatakan bahawa kaunselor menghadapi cabaran dari aspek kekurangan masa untuk melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, kekurangan dana, kemudahan yang tidak mencukupi, klien yang tidak bekerjasama dan kekurangan kakitangan untuk melaksanakan program bimbingan dan kaunseling. Egbo (2015) menyatakan sikap negatif orang dan kekurangan dana menjadi cabaran yang utama dalam melaksanakan perkhidmatan kaunseling. Seterusnya, Anagbogu et al. (2013) menyatakan cabaran yang dihadapi oleh kaunselor adalah kurang klinik dan makmal kaunseling, kurang dana untuk melaksanakan program kaunseling, kurang alat ujian yang bersesuaian dengan norma masyarakat, kurang komputer untuk menyimpan data, kurang kaunselor terlatih

untuk kaunseling *online*, tiada penyambut tetamu untuk menyambut klien, kekurangan peralatan dalam pejabat kaunselor, jaringan internet tidak sampai ke pejabat kaunselor dan budaya masyarakat.

Cabaran seterusnya dibuktikan oleh kajian yang telah dilaksanakan oleh Mushaandja, Haihambo, Vergnani dan Frank (2013) yang menunjukkan bahawa terdapat lima cabaran utama yang dihadapi oleh kaunselor iaitu kurang kepercayaan terhadap kaunseling dalam kalangan pelajar, kurangnya ruang dan masa yang sesuai untuk melakukan kaunseling, berasa tidak mampu untuk melindungi pelajar, berusaha untuk bertoleransi dengan isu budaya dan mengalami kesukaran untuk berurusan dengan isu undang-undang.

Selain itu, kaunselor mengalami kekurangan latihan dari segi bimbingan dan kaunseling kurang mendapat sokongan daripada pihak pengurusan untuk menjalankan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling (Nyamwange, Nyakan dan Ondima 2012). Johari Talib (2009) juga telah menambahkan lagi bukti kewujudan pelbagai cabaran dalam kerjaya seorang kaunselor dengan menyatakan terdapat enam halangan utama yang dihadapi oleh kaunselor iaitu guru disiplin mendenda pelajar sebelum dihantar kepada kaunselor, kaunselor perlu mengadakan sesi kaunseling lain dengan ibu bapa yang juga bermasalah, kurang / tiada garis panduan yang jelas untuk menangani suatu masalah, kurangnya kemahiran asas, pengalaman dan pengetahuan, kurang sokongan dan kerjasama dari pihak pentadbir dan alasan utama yang diberikan ialah 'boleh memburukkan nama baik sekolah' serta melibatkan banyak pihak, dan pentadbir menganggap hal tersebut sebagai suatu yang rumit.

Akhir sekali, tidak dinafikan bahawa kaunselor juga turut menghadapi cabaran yang berkaitan dengan stigma (Hobson

2008), kekurangan kesedaran mengenai kaunseling dalam kalangan masyarakat (Pereira & Rekha 2017) dan tiada sistem sokongan (Kumary & Baker 2008).

Rentetan daripada hal di atas, cabaran yang dihadapi oleh kaunselor akan memberi kesan kepada proses pemulihan banduan. Menurut Visher dan Travis (2003) banduan akan mengalami kesukaran untuk mengelakkan diri daripada melakukan jenayah akibat daripada tidak dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat. Diakui oleh Engelhardt (2010); Harrison dan Schehr (2004); Rakis (2005) dan Santiago (2011) bahawa salah satu faktor yang menyebabkan banduan kembali semula ke penjara adalah faktor pekerjaan yang mana banduan adalah menganggur dan memilih untuk melakukan semula jenayah demi kelangsungan hidup.

Kesimpulannya, kembali kepada matlamat asal penahanan banduan di penjara iaitu menurut Ayamba (2013) memastikan banduan boleh masuk semula ke dalam masyarakat dan memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh pegawai psikologi ketika melaksanakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara.

Metod Kajian

Kajian ini dilaksanakan di sekitar Lembah Klang iaitu di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Informan kajian ini melibatkan enam orang informan yang memegang jawatan sebagai Pegawai Psikologi atau nama lainnya adalah Kaunselor yang sedang bertugas di salah sebuah penjara atau pernah bertugas di mana-mana penjara di Malaysia. Pengkaji telah memilih enam orang informan bagi menjawab objektif kajian ini sehingga data menjadi tepu. Secara spesifiknya, informan adalah terdiri daripada lima orang lelaki dan seorang

perempuan, berumur 28 tahun hingga 42 tahun dan mempunyai latarbelakang pendidikan dalam bidang psikologi atau kaunseling.

Teknik persampelan yang telah digunakan dalam kajian ini adalah persampelan secara bertujuan (*purposive sampling*) dan bola salji (*snow ball*). Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk memilih pegawai psikologi di penjara, manakala, bola salji (*snow ball*) digunakan untuk mencari pegawai psikologi yang pernah berkhidmat di penjara.

Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif untuk melaksanakan kajian ini. Ia adalah bertujuan untuk mendekati dunia informan dan memahami situasi sebenar yang dialami dan difikirkan oleh informan di samping untuk mengetahui perasaan dan pendapat informan secara langsung (Rozmi Ismail 2013). Malah, menurut Noraini (2010) dalam Ainul Nazifah (2016) menyatakan bahawa hanya penjelasan kualitatif sahaja dapat merungkai fenomena manusia dengan lebih jelas dan terperinci.

Data dikumpul menggunakan kaedah temubual secara mendalam iaitu menggunakan teknik temubual separa struktur. Ia adalah bagi memberi peluang kepada pengkaji untuk bertanya soalan yang bersesuaian mengikut keperluan ketika sesi temubual sedang dijalankan.

Soalan separa berstruktur adalah bersifat lebih fleksibel dan membenarkan pengkaji bertanya dengan lebih lanjut tentang sesuatu perkara yang sedang dikongsikan oleh informan. Pengkaji telah mendapatkan kebenaran informan untuk merakamkan sesi temubual untuk tujuan proses penulisan laporan. Pengkaji juga telah menemubual semua informan sekurang-kurangnya sekali.

Kajian ini dianalisis menggunakan kaedah tematik. Pertama, pengkaji membiasakan diri dengan data. Pengkaji menyalin data dan membaca data secara berulang kali dan mencatatkan idea awal. Kedua, menjana kod awal. Pengkaji mengekodkan ciri menarik data dalam cara yang sistematik merentasi keseluruhan set data dan menyusun data yang berkaitan dengan setiap kod. Proses pengkodan merangkumi analisis makna atau tema dalam teks data. Ketiga, mencari tema. Pengkaji mencantumkan kod menjadi tema yang berpotensi. Kemudian, mengumpul semua data yang berkaitan dan diasingkan mengikut setiap tema. Keempat, menilai semula tema. Pengkaji memeriksa tema yang berkaitan dengan ekstrak berkod (Tahap 1) dan keseluruhan set data (Aras 2), kemudian, menghasilkan "peta" tematik analisis. Kelima, menentu dan menamakan tema. Pengkaji melakukan analisis yang berterusan untuk memperbaiki spesifik setiap tema dan seluruh cerita yang telah dianalisis. Seterusnya, menghasilkan definisi dan nama yang jelas bagi setiap tema. Keenam, menghasilkan laporan. Pengkaji memilih ekstrak yang jelas dan menarik dan berkaitan dengan persoalan dan kajian lepas. Pengkaji memastikan interpretasi yang dibuat adalah jelas dan tepat serta merujuk kepada data serta mewakili perspektif informan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Latar Belakang Informan

Keenam-enam informan adalah berumur 28 tahun hingga 42 tahun dan mempunyai latar belakang pendidikan di peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana dalam bidang psikologi dan kaunseling serta memegang jawatan Gred S41 dan S44. Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi keenam-enam informan. Nama-nama yang digunakan adalah bukan nama sebenar informan.

Jadual 1: Maklumat Demografi Informan

| Nama & Tempoh Berkhidmat di Penjara | Umur | Taraf Pendidikan |
|--|-------------|--|
| Informan A (4 tahun) | 37 | Ijazah Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah |
| Informan B (5 tahun) | 32 | Ijazah Sarjana Muda Kaunseling |
| Informan C (3 tahun) | 34 | Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling |
| Informan D (2 tahun) | 42 | Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling |
| Informan E (2 tahun) | 30 | Ijazah Sarjana Muda Kaunseling |
| Informan F (2 tahun) | 28 | Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling |

cabaran dan kesukaran dalam sesi kaunseling dan dalam organisasi (Duggal

Cabaran Pegawai Psikologi di Penjara

i) Tiada Bimbingan atau Penyeliaan Mentor

Cabaran terbesar bagi majoriti pegawai psikologi di penjara yang ditemubual adalah ketiadaan bimbingan atau penyeliaan mentor dalam bidang perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara. Cabaran ini memberi kesan kepada emosi, perasaan, pemikiran dan sosial pegawai psikologi. Terdapat pegawai psikologi berasa tertekan, rendah motivasi dan kesunyian apabila ditempatkan di organisasi seorang diri. Hal ini dipersetujui oleh Kumary dan Baker (2008) dan Skovholt dan Ronnestad (2003) yang menyatakan bahawa kaunselor baharu akan mengalami tekanan. Kaunselor baru juga akan menghadapi

& Rao 2016; Skovholt & Ronnestad 2003). Lebih-lebih lagi sekiranya pegawai tersebut merupakan lantikan pertama yang mana pegawai tidak pasti tentang hala tuju perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara.

“Saya pernah loneliness. Sebab saya seorang, saya takde tempat nak rujuk, saya takde tempat nak bercerita, isunya kita takde tempat nak rujuk tau sampai terpaksa contact lecturer-lecturer kita yang lama.. tapi memang... bagi saya bila kita keseorangan ini kita barai. Lagi satu dari segi motivasi. Kalau kita ada bos, dia boleh guide kita. Kadang-kadang kita rasa tak bermotivasi. Tapi nak tak nak memang kita kat situ memang sorang-sorang. Kita la yang pandai-pandai bawa diri. Saya pernah bila masuk pagar tu saya rasa

lemah.. aduh saya nak buat apa ni.. kerja banyak tapi takde motivasi.. saya pun tak tau la macam mana...”- Informan F

Tidak dinafikan juga, terdapat pegawai psikologi berasa tertekan dan kesunyian apabila ditempatkan di organisasi seorang diri. Hal ini dipersetujui oleh Kumary dan Baker (2008) dan Skovholt dan Ronnestad (2003) yang menyatakan bahawa kaunselor baharu akan mengalami tekanan. Kaunselor baru juga akan menghadapi cabaran dan kesukaran dalam sesi kaunseling dan dalam organisasi (Duggal & Rao 2016; Skovholt & Ronnestad 2003).

ii) Kemudahan Psikologi dan Kaunseling

Menurut informan, pihak penjara tidak menyediakan sebarang kemudahan untuk menjalankan perkhidmatan psikologi dan kaunseling atas beberapa faktor seperti tidak tahu keperluan perkhidmatan ini dan kekangan kewangan. Arwolo (2013) ada menyatakan salah satu sebab wujud masalah dalam pelaksanaan perkhidmatan kaunseling adalah kerana kekurangan pada keadaan bilik kaunseling dan kekurangan dana untuk membeli bahan.

Menurut Bukoye (2004) tidak ada perkhidmatan yang menggunakan dana yang sedikit kerana dana tersebut digunakan untuk membeli inventori, carta dan keperluan bilik kaunselor atau bilik kaunseling. Hal ini turut disokong oleh Boitt (2016) dan Egbo (2015) yang menyatakan bahawa antara cabaran kaunselor adalah kekurangan dana dan kemudahan yang tidak mencukupi.

Setiap pegawai psikologi berusaha untuk mendapatkan bilik pejabat dan bilik kaunseling di penjara masing-masing. Tetapi, semuanya bergantung kepada apa yang penjara mampu sediakan pada ketika itu. Menurut informan, pegawai psikologi terpaksa meminjam komputer kakitangan lain untuk menjalankan tugas.

“So dulu saya menumpang dengan pejabat orang. Kadang-kadang nak guna PC pun terpaksa pinjam PC orang lah. so akhirnya kita dapat PC sendiri, kita dapat bilik kita sendiri”. – Informan A

Akhir sekali, kekurangan kemudahan seperti bilik sesi kaunseling juga membuatkan terdapat pegawai psikologi yang sukar untuk fokus menjalankan tugas. Informan berasa segan untuk meminjam peralatan pegawai lain serta merasakan bahawa kehadirannya tidak dialu-alukan. Tambahan lagi, alat ujian psikologi juga baru dibina.

“Sebab masa saya dulu kurang fokus kerja sangat, bilik takde, facilities tak cukup, baru sediakan alat ujian psikologi, setting satu hal.”- Informan F

iii) Kerahsiaan Klien

Oleh kerana tidak terdapat ruang kerja untuk pegawai psikologi di penjara di awal penubuhannya, maka, pegawai terpaksa menjalankan sesi kaunseling di dalam dewan, tepi sel, tepi blok dan sebagainya. Menurut informan, pada ketika itu kerahsiaan klien adalah tidak terjamin kerana sesi boleh didengari oleh individu lain di samping menjalani sesi dalam keadaan yang kurang selesa. Hal ini sepatutnya tidak berlaku kerana kaunselor telah pun berjanji untuk merahsiakan tentang apa yang telah dikongsikan oleh klien (Taylor & Buku 2006).

“Haa... bertemankan pegawai uniform lah. So pergi sana buat sesi lah. Biasanya sesi dia duduk dalam sel, kita duduk dekat luar lah. So itulah yang paling terapatiknya pun... Tapi kalau sesi kaunseling dalam penjara, antara kau dan aku, dinding ni dan 2 orang pegawai yang ada dekat dalam bilik ni. So, dia takda plihan lah. Kalau 2 orang, 2 orang lah. kalau seorang, seorang lah.”- Informan A

Menurut Nwokolo (2010), bilik kaunseling yang mempunyai *one-mirror* adalah salah satu keperluan untuk kaunseling. Dalam konteks penjara, *one-mirror* adalah amat sesuai kerana kaunselor dapat menjaga kerahsiaan klien, kakitangan penjara yang mengiring kaunselor masih boleh memerhati kaunselor daripada luar bilik kaunseling.

iv) Hubungan Kaunselor-Klien

Terdapat informan yang berhadapan dengan situasi di mana klien menunjukkan minat terhadapnya dan tidak mahu menamatkan sesi. Menurut Hassan Elkatawneh (2013) meskipun terapis hanya berniat untuk menaikkan tahap motivasi klien, namun, terapis tetap terdedah kepada pelanggaran standard tingkah laku profesional kerana tindakannya boleh dipersoalkan kerana menyalahi etika amalan sebagai seorang ahli terapi. Malahan, hubungan yang erat antara terapis dan klien akan meningkatkan lagi kelemahan klien dengan cara meletakkan pergantungan kepada terapis untuk sentiasa membantunya (Gottlieb & Younggren 2004).

“Isu kat situ dia macam tertarik dekat saya... Waktu tu susah betul saya nak tamat sesi dengan dia.” - Informan F

“... yang kedua dia mula menyukai kita.” - Informan E

Selain itu, terdapat juga pegawai yang diganggu oleh banduan semasa diluar bilik kaunseling seperti memanggil dan menunjukkan tingkah laku yang kurang menyenangkan kepada pegawai psikologi yang sedang melalui blok banduan. Menurut informan, terdapat juga klien yang menunjukkan tingkah laku dan bertanyakan soalan berbentuk lucu secara langsung semasa pegawai sedang bertugas.

“Dia kata “encik, kalau saya punya nafsu seks semakin meningkat?” dia tengok saya

macam tu (sambil menjilat bibir).” - Informan D

v) Bebanan Kerja

Menurut informan, setiap penjara hanya mempunyai seorang atau dua orang pegawai psikologi sahaja dan membuatkan jumlah pegawai psikologi adalah tidak selaras dengan jumlah banduan di penjara. Ini bermaksud tenaga kerja yang ada tidak mampu menanggung beban kerja yang diberikan dalam suatu tempoh tertentu. Hal ini menyukarkan pegawai untuk memenuhi semua keperluan psikologi dan kaunseling yang sepatutnya diperolehi oleh banduan. Menurut Pereira (2012) antara masalah yang dihadapi adalah kaunselor tidak mempunyai rakan kaunselor dan penyeliaan.

“Jumlah pegawai psikologi dalam satu penjara terlalu sedikit untuk mengurus jumlah klien yang banyak.” - Informan E

“Saya ni dah la dengan lelaki nya, perempuannya, budak-budak sekolahnya, banduan akhir yang nak dihukum gantungnya, semuanya ada kat penjara ni. Penjara Y besar tau.” - Informan D

Seterusnya, menurut informan juga, tempoh masa untuk menguruskan ujian psikologi boleh mengambil masa sehingga satu hari sedangkan pada masa yang sama pegawai psikologi juga perlu melakukan sesi kaunseling dan sesi kelompok. Hal ini disokong oleh Mushaandja, Haihambo, Vergnani dan Frank (2013) yang mendapati bahawa kekurangan ruang dan masa yang sesuai memberi kesan kepada pelaksanaan kaunseling.

“Cuma bebanan tugas selain daripada kaunseling adalah ujian psikologi ataupun penggunaan alat psikometrik...” - Informan A

vi) Kepelbagaian Latar Belakang Klien

Cabaran yang terakhir adalah pegawai berhadapan dengan klien yang datang daripada latar belakang yang berbeza-beza. Meski pun wujud perbezaan, mereka perlu diterima seadanya kerana banduan amat memerlukan kaunseling sepanjang proses hukuman lantaran mereka merupakan individu yang mempunyai pelbagai masalah dari segi emosi hingga ke tekanan traumatik (Ayamba 2013).

“Dia memang seronoklah bila berlainan bangsa, agama, negara. Thrill la bila awak buat sesi. Contohlah awak buat sesi dengan banduan daripada negara Congo, you just imagine the African person.”- Informan B

“Saya pernah kena dulu dengan Colombia, kita try speaking.”- Informan F

Selain itu, terdapat juga klien yang datang dengan pelbagai isu yang mungkin tidak dijangkakan oleh pegawai psikologi sendiri termasuklah mempunyai masalah mental.

“Satu cabaran bertugas di penjara yang mana urus sesi kes-kes semua kita tidak terfikir langsung terjadi.” – Informan C

“Cabaran lain klien bergaduh sesama penghuni kerana diliwat 6 orang pelajar.”- Informan E

“Ada juga klien saya orang Nepal... Mula-mula dia lukis gajah kemudian perempuan. Perempuan tu sebab dia ingat kat isteri dia, gajah tu dia teringat negara dia. Tak lama begitu, dikopaknya crayon tu dan dia makan.”- Informan D

Akhir sekali, terdapat klien yang mempunyai tahap kekerapan memasukkan

semula ke penjara yang tinggi. Terdapat pegawai psikologi yang akan membuat temuduga awalan untuk mengetahui punca banduan *recidivist*. Pegawai juga ingin mengetahui adakah banduan tersebut mengaplikasikan apa yang telah dipelajari di dalam sesi semasa berada di luar penjara.

“Kita kena buat temuduga awalan yang baru masuk. Kalau yang berulang tu saya tahan dia dulu sebab saya nak tahu kenapa dan apply tak apa yang saya berikan pada awak?”- Informan C

Menurut Ross dan Richards (2002) kebanyakan bekas banduan yang kembali semula ke penjara adalah disebabkan masalah tempat tinggal, sehingga mereka terpaksa melakukan semula jenayah dan ditangkap serta dimasukkan semula ke penjara. Bukan itu sahaja, malah, dalam laporan Social Exclusion Unit (2002) United Kingdom, menyatakan bahawa ramai banduan yang telah bebas mempunyai masalah rumahtangga apabila mereka mengetahui pasangan mereka telah berkahwin dengan orang lain. Maka, tidak hairanlah jika banduan yang dikurung dalam penjara amat memerlukan kaunseling (Durosuro, 2002). Ini kerana dengan kaunseling, banduan boleh membangunkan diri sendiri serta mendapatkan ilmu *coping skill* untuk diaplikasikan di dunia luar apabila menghadapi sebarang masalah.

Perbincangan dan Cadangan

Hasil kajian ini akan menyedarkan pegawai psikologi agar meningkatkan kompetensi diri serta kreatif supaya tidak mengalami masalah apabila ditempatkan di penjara. Pegawai psikologi juga perlu mempunyai tahap resilien yang tinggi agar tidak mudah putus asa atau hilang motivasi semasa bertugas di mana-mana institusi. Pegawai psikologi juga perlu sedar tentang permasalahan-permasalahan yang wujud di penjara agar boleh mencari jalan untuk

menangani permasalahan yang berlaku. Malah, pegawai psikologi juga perlu cepat menyesuaikan diri dan bijak dalam membina hubungan yang baik dengan pihak institusi agar mudah mendapatkan kerjasama daripada pihak pengurusan.

Tidak dinafikan bahawa perkhidmatan psikologi dan kaunseling adalah suatu hal yang sangat penting dalam sesebuah institusi pemulihan seperti penjara. Pelaksanaan perkhidmatan psikologi dan kaunseling adalah bertujuan untuk memberi peluang kedua kepada banduan untuk berubah ke arah yang lebih baik dan menjadi insan yang bertanggungjawab dalam masyarakat kelak. Oleh itu, pegawai psikologi atau kaunselor perlulah bijak mengenal pasti isu-isu yang mengganggu perjalanan perkhidmatan ini dan perlu menghadapi segala cabaran dengan matang dan profesional. Kaunselor perlu sentiasa mempertingkatkan ilmu pengetahuan berkaitan isu semasa dan sentiasa berusaha mempertingkatkan kompetensi diri agar mempunyai strategi daya tindak yang hebat dalam menghadapi setiap cabaran yang mendatang.

Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian ke atas perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara dilaksanakan dengan lebih mendalam serta menyeluruh menyentuh pelbagai aspek. Hal ini dilihat penting kerana melalui kajian maka penambahbaikan terhadap perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara boleh dilaksanakan. Sesungguhnya perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang kukuh termasuklah mempunyai modul, instrumen atau intervensi yang mantap serta pegawai psikologi yang kompeten mampu membantu proses pemulihan banduan di penjara.

Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti enam cabaran utama yang dihadapi oleh pegawai psikologi di penjara iaitu tiada bimbingan / penyeliaan mentor, kemudahan psikologi

dan kaunseling, kerahsiaan klien, hubungan kaunselor – klien, bebanan kerja dan kepelbagaian latar belakang klien.

Limitasi yang terdapat dalam kajian ini yang pertama ialah kesemua informan adalah lelaki dan hanya seorang sahaja informan wanita. Ini kerana pegawai psikologi wanita yang lain sedang bertugas di negeri-negeri lain dan sukar untuk ditemui oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji tidak dapat meneroka secara menyeluruh pengalaman pegawai psikologi wanita kelompok pertama yang ditempatkan di penjara pada tahun 2015.

Limitasi yang kedua adalah semasa proses mengumpulkan data. Keenam-enam pegawai psikologi telah ditemubual pada waktu yang berbeza. Ini adalah kerana setiap temujanji dengan pegawai psikologi adalah berbeza kerana kekangan masa pegawai pada waktu bekerja. Meskipun terdapat tiga orang pegawai psikologi yang berada di satu institusi tetapi pengkaji terpaksa berulang alik ke institusi tersebut sebanyak empat kali untuk melengkapkan data kajian. Seterusnya, tiga lagi pegawai psikologi juga tidak boleh ditemui pada hari yang sama kerana masing-masing bertugas di lokasi yang saling berjauhan.

Akhir sekali, pengkaji juga menghadapi cabaran dalam mencari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara. Di Malaysia, kebanyakan kajian perkhidmatan psikologi dan kaunseling adalah berasaskan sekolah. Terlalu sedikit kajian yang dilaksanakan di penjara apatah lagi kajian yang mempunyai persamaan dengan kajian ini. Kebanyakan kajian juga adalah mengkaji tentang kaunselor secara khusus, dan bukanlah mengkaji tentang pegawai psikologi secara spesifiknya sedangkan profisien pegawai psikologi di penjara agak sedikit berbeza berbanding pegawai psikologi di organisasi yang lain. Manakala, pengkaji di luar negara telah banyak mengkaji

perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara tetapi lebih tertumpu kepada keberkesanan program psikologi dan kaunseling di penjara dan bukanlah berfokus kepada cabaran pegawai psikologi atau kaunselor di penjara.

Kesimpulannya, diharap kajian ini dapat memberi kesan kepada perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara di samping memudahkan tugas pegawai psikologi di penjara. Meskipun, perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara masih baru lagi, namun, perkhidmatan ini adalah amat penting kepada banduan dan kakitangan di penjara. Terdapat banyak kelebihan sekiranya perkhidmatan ini terus diperkasakan dalam membantu pihak penjara untuk memulihkan emosi, pemikiran dan tingkah laku banduan sebelum dikembalikan semula kepada masyarakat. Malahan, dengan adanya perkhidmatan seperti ini berkemungkinan besar peratus *recidivist* juga boleh dikurangkan. Kakitangan penjara juga turut mendapat kebaikan yang sama iaitu mempunyai saluran untuk berkongsi isu peribadi tanpa perlu menemui pihak pengurusan penjara.

Kesimpulannya, semoga profesion pegawai psikologi serta perkhidmatan psikologi dan kaunseling di penjara terus maju dan cemerlang dalam membantu pihak penjara dalam mengembalikan semula bekas banduan kepada masyarakat dengan berkesan.

Rujukan

- Ainul Nazifah. (2016). Kemahiran Daya Tindak. Univerisiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.
- Akta Kaunselor 1998. (1998). *Akta 580, Undang-Undang Malaysia*. Percetakan Nasional Berhad.
- Anagbogu, M. A., Nwokolo, C. N., Anyamene, A. N., Anyachebelu, F. E. & Umezulike R. Q. (2013). Professional Challenges to Counselling Practice in Primary Schools in Anambra State, Nigeria: The Way Forward. *International Journal of Psychology and Counselling*, Vol. 5(5), 97-103.
- Arwolo, D. O. (2013). Counsellors' Perception of Problems Facing Guidance and Counselling Services in Nigerian Schools. *Journal of Education and Practice*, Vol. 4, No. 24, 2013.
- Ayamba. (2013). *Counselling Needs of Prisoners in Ghana: A Study of Central and Ashanti Regions*. Tesis Sarjana. University of Cape Coast.
- Boitt, M. L. J. (2016). Evaluation of the Challenges in the Implementation of the Guidance and Counselling Programme in Baringo County Secondary Schools, Kenya. *Journal of Education and Practice*, Vol.7, No.30, 2016.
- Bohm, R. M., & Haley, K. N. (2005). *Introduction to Criminal Justice (4th Ed.)*. McGraw Hill Companies Inc.
- Bukoye, R. O. (2004). *Introduction of Guidance and for the System of Education*. Jos Savannah Publication Ltd.
- Duggal, C. & Rao, M. (2016). Challenges Experienced By Novice Counsellors. In *Counselling in India S. Sriram (Ed.)*. Springer.
- Durosaro, I. A. (2002). Counselling Needs of Female Prisoners in Nigeria. *The Nigerian Journal of Guidance and Counselling*, 8(1), 154-161.
- Egbo, A. C. (2015). The Challenges of Guidance and Counselling

- Practices as perceived by Secondary School Counsellors in Enugu State Nigeria. *International Journal of Education and Research*, Vol. 3 No. 5 May 2015.
- Engelhardt, B. (2010). The Effect of Employment Frictions on Crime. *Journal of Labor Economics*, Vol. 28(3).
- Gladding, S. T. (2003). *Group Work: A Counseling Speciality*. Ed. Ke-4. Pergamon Press.
- Gottlieb & Younggren. (2004). Managing Risk when Contemplating Multiple Relationships. *Professional Psychology Research and Practice*, 35(3):255-260 .
- Harrison, B. & Schehr, R. C. (2004). Offenders and Post-Release Jobs: Variables Influencing Success and Failure. *Journal of Offender Rehabilitation*, 39, 3, 35-68.
- Hassan Elkatawneh. (2013). The Relationship between Therapist and Client. *Ssrn ElectronicJournal*. <https://doi.org/10.2139/Ssrn.23775> 83.
- Hobson. (2008). *The Effects of Mental Health Education on Reducing Stigma and Increasing Positive Attitudes Toward Seeking Therapy*. Master Degree Thesis. Humboldt State University.
- Johari Talib. (2009). Profesionalisme Kaunselor Sekolah Rendah. *Malim Bil.* 10(2009). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kartini Kartono. (2000). *Kamus Lengkap Psikologi*. Pt Raja Grafindo Persada.
- Kumary, A. & Baker, M. (2008). Stresses Reported by Uk Trainee Counselling Psychologists. *Counselling Psychology Quarterly*, 21(1): 19–28. <https://doi.org/10.1080/09515070801895626>.
- Mohammad Aziz Shah, Mohammad Nasir, Ahmad Jazimin, Syed Sofian & Md. Noor. (2009). *Kemahiran Bimbingan Dan Kaunseling*. Pts Profesional.
- Mushaandja, J., Haihambo, C., Vergnani, T. & Frank, E. (2013). Major Challenges Facing Teacher Counselors in Schools in Namibia. *Educational Journal*, 2(3), 77-83.
- Nwokolo, Chinyelu. (2010). Counselling Against Early Marriage of the Girl-Child in Anambra State. *Edo Journal of Counselling*. <https://doi.org/3.10.4314/Ejc.V3i1.52681>.
- Nyamwange, C. B., Nyakan, P. O. & Ondima, P. C. (2012). Assessment of Challenges Facing Secondary School Guidance and Counselling Teachers in Nyamira District, Kenya. *Journal of Education and Practice*, 3(16), 41-47.
- Pereira, M. (2012). *Professional Problems Faced by Beginning Counsellors*. Unpublished M.Phil, Dissertation. Christ University.
- Pereira, M. & Rekha, S. (2017). Problems, Difficulties and Challenges Faced by Counsellors. *International Journal of Indian Psychology*, <https://doi.org/10.25215/0403.127>.
- Rakis, J. (2005). *Improving the Employment Rates Of Ex-Prisoners Under Parole*. Federal Probation, 69, 7-14.

- Rozmi Ismail. (2013). *Metodologi Penyelidikan: Teori Dan Praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Skovholt, T. M. & Ronnestad, M. H. (2003). Struggles of the Novice Counsellor and Therapist. *Journal of Career Development*, 30(1), 45-58.
- Social Exclusion Unit. (2002). *Reducing Re-Offending by Ex-Prisoners*. Home Office.
- Taylor, A. L., & Buku, D. K. (2006). *Basics in Guidance and Counselling (2nd Ed.)*. University Of Winneba.
- Visher Dan Travis. (2003). Transitions from Prison to Community: Understanding Individual Pathways. *Annu. Rev. Social. 2003*. <https://doi.org/10.1146/Annurev.Soc.29.010202.095931>.
- Wampold, B. E. (2001). *The Great Psychotherapy Debate: Models, Methods, and Findings*. Mahwah, Nj: Lawrence Erlbaum Associates.